



WAWANCARA DENGAN BAHA ZAIN PENGHAYATAN SENI SASTERA DI MALAYSIA CUKUP HEBAT

Oleh : MOHAMED NAIM DAUPI

Pernah tersiar di akhbar Berita Minggu pada 14hb dan 21 November 1982

Nama Baha Zain sudah tidak asing dalam arena kesusasteraan di rantau ini. Pengalaman dan penglibatannya secara langsung dalam penulisan kreatif, pertubuhan dan kegiatan kesusasteraan begitu menonjol. Beliau adalah antara segelintir kecil orang yang telah turut membina dan mengembangkan kesusasteraan khususnya di Malaysia.

Dalam bidang penulisan, Baha telah menghasilkan antologi puisi Perempuan Dan Bayang-bayang, Sepuluh Sajak dan Dari Kertas Catatan Tengah Malam di samping antologi bersama Keranda 152, Teluk Gong, Suara Tujuh dan lain-lain lagi. Beliau juga pernah menerbitkan antologi esei/kritikan seperti Mendekati Kesusasteraan dan Esei Sastera. Baha pernah menyusun semula Hikayat Bakhtiar, Hikayat Omar Umayyah dan Hikayat Cekel Waneng Pati.



Dalam kegiatan bahasa dan kesusasteraan, Baha pernah menjadi salah seorang anggota panel Hadiah Karya Sastera, pernah aktif dalam kegiatan Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya, pernah menjadi pengarah kepada Persidangan Penulis-penulis Asean dan Setiausaha 1 Persatuan Penulis Nasional (Pena). Kini beliau merupakan Ketua 2 kepada Gabungan Penulis-penulis Nasional (Gapena) sejak tahun 1978.

Baha pernah bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai Pegawai Penyelidik, Ketua Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Kesusasteraan, Ketua Pengarang majalah-majalah Dewan Bahasa, Dewan Budaya dan Dewan Sastera, dan turut menyusun Kamus Dewan. Kini Baha adalah Pemangku Timbalan Ketua Pengarah DBP.

Pada minggu lalu, **Mohamed Naim Daupi** sempat menemui Baha Zain sewaktu beliau berada di sini. Melalui temubual itu, Baha Zain banyak bercakap mengenai

kegiatan dan perkembangan kesusasteraan Nusantara. Di sini kami siarkan Bahagian 1 dari dua bahagian wawancara itu untuk tatapan dan kemanfaatan kita bersama.

Soalan: Bagaimana perkembangan kesusasteraan Malaysia masa kini?

Jawapan: Perkembangan kesusasteraan di Malaysia terutama di kalangan generasi muda memang cukup menggalakkan. Dan kerajaan pun memberi perhatian terutama melalui organisasi Dewan Bahasa dan Pustaka.

S: Apakah arah perkembangan kesusasteraan Malaysia masa kini lebih banyak tertumpu pada penulis-penulis baru atau apa yang disebut oleh Encik Baha sebagai generasi muda?

J: Tidak. Di samping memberikan perhatian yang cukup luas di kalangan bakat baru, kerajaan juga memberi perhatian yang cukup besar kepada kesusasteraan yang lebih matang, lebih baik dan lebih bermutu.

Umpamanya, dari pihak Perdana Menteri sendiri akhir-akhir ini telah ditimbulkan persoalan bagaimana kesusasteraan Malaysia dapat dipertingkatkan mutunya.

Mendalam

Jadi melihat dari aspek perhatian pihak yang berkuasa, kami di Malaysia memang bertambah optimis tentang adanya kemudahan-kemudahan ataupun infrastruktur dalam kegiatan penulisan kreatif.

Cuma barangkali yang menjadi kekhuatiran kami ialah penulis masih tidak boleh hidup dengan karya-karyanya dan bakat yang baik saya kira di mana-mana pun tidak ramai.

Jadi kalau kesusasteraan untuk keperluan biasa memang tidak sedikit, tapi apa yang disebut sebagai karya yang mendalam, *profound* ataupun yang bernilai cukup tinggi, terutama kalau kita mahu bandingkan hasil karya dunia, itulah selalunya yang menjadi sesuatu yang sulit dicari.

S: Bagaimana pula dengan suasana kehidupan kesusasteraan Malaysia?

J: Seperti yang saya sebutkan tadi, memandangkan kesusasteraan Malaysia cukup mendapat perhatian dari berbagai pihak, terutamanya dari pihak berkuasa, penghidupan kesusasteraan dan penghidupan golongan-golongan kreatif di Malaysia cukuplah hebat dan menyeluruh.

S: Bagaimana pula dengan Gapena? Apakah pencapaian yang telah diraih setelah beberapa tahun ditubuhkan? Apakah sumbangannya turut menghebatkan suasana kehidupan kesusasteraan Malaysia?

J: Pertanyaan ini bukanlah pertama kali saya dengar. Malahan baru-baru ini saya juga dikemukakan dengan pertanyaan seumpama ini oleh seorang mahasiswa yang sedang membuat kajian mengenai kegiatan Gapena.

Memang cukup sulit diukur apakah pencapaian yang telah dilaksanakan atau diperolehi oleh Gapena kerana tentunya kebudayaan itu cukup sulit untuk diukur secara statistik, apakah dia hasilnya?

Cuma barangkali yang dapat saya katakan secara yakin ialah Gapena telah menyumbangkan begitu banyak dalam erti meningkatkan atau meluaskan apresiasi masyarakat terhadap golongan penulis dan juga kesusasteraan dalam bahasa Melayu.

Barangkali kalau Gapena tidak bergiat, perhatian yang cukup besar yang sekarang sedang berlaku di Malaysia mungkin tidak wujud jika pengharapan masyarakat dan penulis hanya tertumpu pada agensi-agensi DBP atau lain-lain lagi.

Memandangkan Gapena didokong dan digerakkan oleh sekumpulan tenaga sukarela yang komited dengan perjuangan bahasa dan kesusasteraan berbahasa Melayu, maka pencapaian setakat ini lebih menyeluruh kepada masyarakat dan cukup

Interviu khas dengan Baha Zain (Bahagian 1)

mengesankan. Dan setiap tahun kita mengadakan pertemuan-pertemuan dan pertemuan-pertemuan ini mendapat sambutan yang cukup luas bukan sahaja di Malaysia sendiri tetapi juga dari Negara tetangga.

Ganjaran

Dengan demikian mudahlah kita ukur bagaimana perhatian itu diberikan terhadap dunia kesusasteraan dan persuratan Malaysia yang digerakkan oleh Gapena.

Di samping itu Gapena setiap tahun menyediakan hadiah ratusan ribu ringgit untuk peraduan-peraduan mengarang bukan sahaja untuk penulis-penulis tempatan tetapi juga untuk penulis-penulis Nusantara yang menggunakan bahasa Melayu.

Galakan-galakan ini adalah penting kerana ia bukan sekadar memberi perhatian kepada penulisan kreatif tetapi sekaligus memberikan ganjaran ke atas titik peluh, jerih payah penulis dalam menyumbangkan karyanya atau menulis sesebuah buku.

Jadi saya rasa kegiatan seperti ini amat penting bagi Gapena dalam menyemarakkan kehidupan kesusasteraan Malaysia. Di samping itu juga Gapena dapat memberikan galakan, perhatian dan penghormatan kepada dunia penulisan.

S: Dalam menggerakkan kesusasteraan Malaysia, kita melihat perkembangannya begitu menyeluruh hingga meliputi daerah-daerah Nusantara lainnya. Apakah matlamat atau harapan dalam menggerakkan ke arah itu?

J: Kesusasteraan Malaysia sebenarnya tidaklah merupakan satu entiti atau satu bentuk sahaja tetapi ia berbagai-bagai jenis, ditulis oleh berbagai-bagai golongan dan juga lapisan masyarakat serta ditulis dengan berbagai-bagai tema pula.

Cuma yang dapat saya katakan ialah aktivis-aktivis kesusasteraan terutama dari organisasi dan perbadanan-perbadanan pemerintah seperti DBP mengharapkan kesusasteraan Melayu bukan sekadar menjadi hak milik rakyat Malaysia tetapi juga sebagai semacam kepunyaan bersama semua penduduk, segala pembaca dan segala jenis manusia yang bertutur dan memahami Bahasa Melayu.

Dan lagi, kesusasteraan Malaysia diharapkan menjadi sebagai tradisi dan juga merupakan kepunyaan bersama warga dunia yang lain.

Bebaskan

S: Dalam konteks membina, memberi perhatian dan mengembangkan kesusasteraan Melayu dalam Nusantara kita nampak pertemuan demi pertemuan telah berlangsung. Pertama di Singapura pada 1977, kemudian di Jakarta pada 1979 dan akhirnya di Kuala Lumpur pada 1981. Kemudian kita juga melihat resolusi demi resolusi diucapkan dan dipersetujui bersama dalam pertemuan-pertemuan tersebut. Apakah sejauh ini persetujuan-persetujuan itu telah dilaksanakan?

J: Terutama pertemuan kami di Johor pada tahun ini, ada beberapa resolusi yang telah diberikan perhatian khas, yang kalau dilaksanakan merupakan satu langkah yang cukup jauh dan panjang bagi kehidupan bahasa, kesusasteraan dan juga penerbitan dalam bahasa Melayu di Nusantara ini.

Umpamanya, salah satu resolusi ini ialah membebaskan pengaliran bahan-bahan bacaan di antara negara, terutama dengan Indonesia yang sampai hari ini belum mengangkat kekangannya atau memberi keizinannya untuk buku-buku yang ditulis dalam bahasa Melayu masuk ke negara itu. Ini merupakan satu resolusi meminta Pemerintah Indonesia mengangkat kekangan itu supaya pengaliran bahan bacaan di antara Malaysia, Indonesia, Singapura dan juga Brunei dapat berjalan di dalam berbagai hala, berbagai arah.

Resolusi yang lain ialah meminta supaya diadakan satu hadiah, seperti Hadiah South East Asia Writers Award di Thailand, yang dapat diberikan kepada penulis-penulis Singapura, Indonesia, Brunei dan Malaysia setiap tahun.

Dan terakhir ini Menteri Pembangunan Malaysia Dato Sanusi Joned telah mengajak Gapena bersama-sama memikirkan sebuah hadiah untuk diberikan kepada sasterawan-sasterawan di Tenggara Asia yang menggunakan bahasa Melayu dalam karya-karya mereka. Mungkin resolusi yang disebutkan tadi dapat dirujuk oleh Gapena kepada Dato Menteri yang berkenaan.

Di samping itu kita juga meluluskan satu resolusi mengadakan satu bengkel atau *workshop* penulisan bagi penulis-penulis Tenggara Asia terutama penulis-penulis Malaysia, Singapura, Indonesia dan Brunei. Bengkel ini, kalau dilaksanakan, merupakan satu wadah yang amat baik yang dapat sebilang tahun menemukan golongan kreatif antara kita, bukan sahaja untuk meningkatkan ketrampilan di bidang penulisan tetapi juga untuk saling tukar-menukar fikiran dan pengalaman serta mempererat lagi hubungan persaudaraan di antara golongan intelektual daerah Nusantara.

Saya kira dalam semangat Asean hubungan mesra di antara golongan intelektual dan pemikir budaya ini mungkin jauh lebih penting daripada hubungan politik, ekonomi dan militer untuk mengangkat imej Asean di tengah dunia antarabangsa. Saya kira imej intelektual itu selalunya merupakan imej yang terpenting bagi sesuatu daerah atau rantau ini.

- Bersambung

BAHAGIAN KEDUA

Ciri perbezaan sastera Singapura dengan Malaysia Wawancara khas dengan Baha Zain (Bahagian Akhir) 21hb November 1982

Baru-baru ini, Mohamed Naim Daipi sempat menemui Baha Zain sewaktu beliau berada di sini. Melalui temubual itu, Baha Zain banyak bercakap mengenai kegiatan dan perkembangan kesusasteraan Nusantara. Di sini kami siarkan Bahagian Akhir dari dua bahagian wawancara itu. Bahagian Pertama disiarkan Ahad lalu.

Soalan: Menyentuh tentang Asean, dalam Disember 1977 melalui *Persidangan Penulis-penulis Asean* di Kuala Lumpur dulu, persidangan telah sepakat menubuhkan Persatuan

Penulis-penulis Asean. Apakah segala persetujuan itu telah menghasilkan atau membuahkan sesuatu?

Jawapan: Penubuhannya memang telah kami sepakatkan, malah perlembagaan Persatuan Penulis-penulis Asean yang diamanahkan kepada kami telah kami sempurnakan dan dibentangkan dalam pertemuan selanjutnya di Filipina. Kemudian inisiatif seterusnya dipikul oleh penulis-penulis Singapura.

Tetapi entah mengapa, terutama wakil-wakil dari Singapura tidak meneruskan inisiatif itu. Dan kemudiannya bagi pihak kami di Malaysia juga merasakan priority yang paling penting bukanlah Persatuan Penulis-penulis Asean tetapi penulis Nusantara.

Jadi selagi kita merasakan perhubungan dan program-program penulis-penulis Asean ini tidak berjalan dengan lancar dan baik terlebih dulu, maka kita tidaklah merasa tergesa-gesa untuk menubuhkan Persatuan Penulis-penulis Asean ini.

S: Jadi dengan kata lain Persatuan Penulis-penulis Asean terbengkalai penubuhannya?

J: Memang begitulah, dan pihak kami di Malaysia sendiri sekarang ini tidaklah begitu ghairah hendak menubuhkannya kerana kami lebih memerhatikan golongan penulis di dunia Melayu terlebih dulu.

S: Berbalik kepada pertemuan Sasterawan Nusantara, persetujuan mengadakan bengkel penulis di kalangan kita memang tidak perlu kita sebut, betapa berfaedah dan memberi kemanfaatan kepada pembinaan dan pengembangan penulisan kreatif berbahasa Melayu. Bilakah agaknya bengkel serupa ini akan dimulakan?

J: Saya sendiri tidak dapat menentukan bila bengkel ini dapat dilaksanakan. Tetapi perhubungan sekarang sedang rapi dibuat terutama oleh pihak Gapena supaya bengkel ini dapat dilaksanakan.

Dalam pada itu, Malaysia sendiri merasa tidak enak memonopoli setiap kegiatan kerana pada perhitungan akhirnya kalau setiap kegiatan itu berlaku di Malaysia sahaja, ia tidaklah memberi banyak faedah malah boleh menggagalkan dan menafikan hajat kita yang awal, iaitu supaya kegiatan intelektual dan persuratan ini merebak ke seluruh Tenggara Asia.

S: Dalam hal pengaliran keluar masuk buku pula kita sering mendengar dalam pertemuan-pertemuan Sasterawan Nusantara sebelum ini.

Sejak pertemuan pertama di Singapura pada akhir 1977 sehinggalah kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Resolusi Pertemuan Sasterawan Nusantara ketiga

dalam Mei 1982 di Johor, sudah hampir lima tahun perkara tersebut diungkit dan dibincangkan. Apakah perkembangan terakhir dalam hal pengaliran buku ini?

J: Memang saya sendiri hampir bosan membicarakan soal ini kerana bukan sahaja lima tahun malah sudah lebih sepuluh tahun persoalan ini ditimbulkan.

Kadang-kadang kita pun merasa kesal seolah-olah tidak mendapat sambutan daripada Pemerintah Indonesia yang sebenarnya berkuasa sama ada membebaskan kemasukan bahan bacaan berbahasa Melayu dari luar atau tidak.

Tetapi demi kepentingan kebudayaan dan bahasa di rantau ini saya rasa kita tidak perlu menjadi bosan dan harus terus memperjuangkannya, malahan akhir-akhir ini kita telah membicarakan persoalan ini dengan seorang menteri di Malaysia kalau-kalau beliau dapat menguruskan soal ini dengan pihak berkuasa di Indonesia.

Sekarang ini kita bertambah optimis kerana duta besar Malaysia ke Indonesia sekarang ini adalah orang yang cukup bersimpati terhadap masalah penulisan dan orang yang boleh dihubungi untuk membawa ke tengah soal pengaliran buku ini dengan pihak kerajaan Indonesia.

InsyaAllah pada suatu hari nanti kita akan berusaha benar-benar secara konkrit dan positif membawa ke tengah masalah ini.

Dan memang dalam resolusi di Johor baru-baru ini kita berhajat mengemukakan soal ini kepada pihak yang berwajib di Indonesia dengan menghantar satu rombongan dari Singapura, Malaysia dan Brunei. Cuma masih belum dilaksanakan sahaja.

S: Dalam resolusi pertemuan Sasterawan Nusantara ketiga di Kuala Lumpur juga ada disebut tentang ura-ura mengundang Singapura dan Brunei sebagai pemerhati dalam Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia atau singkatannya MBIM. Apakah langkah-langkah yang telah dibuat untuk melaksanakan resolusi ini?

J: Kalau saya tidak silap langkah ini telah pun dibuat dan saya percaya pada pertemuan yang akan datang, berdasarkan resolusi Pertemuan Sasterawan Nusantara, akan ada wakil atau pemerhati dari Singapura dan Brunei.

S: Apakah langkah itu berupa undangan dari pemerintah kepada pemerintah atau dari pemerintah kepada persatuan-persatuan bahasa atau sastera di Singapura dan Brunei?

J: Dengan pihak Brunei kita masih belum dapat membuat undangan yang berupa pemerintah sebab Brunei, sebagaimana yang kita maklum, meskipun dapat diundang

menyertai majlis itu, tidak boleh menyertainya kerana Brunei merupakan sebuah Negara yang belum sepenuhnya merdeka.

Barangkali Brunei datang sebagai pemerhati dan memang undangan ini dibuat oleh Jawatankuasa dari Malaysia yang rasmi dari kerajaan. Demikian juga undangan itu merupakan undangan yang rasmi daripada Malaysia kepada Singapura.

S: Apakah dalam penelitian Encik Baha terhadap bidang penulisan kreatif ini, anda membuat juga pemerhatian terhadap kegiatan dan penulisan kesusasteraan Singapura?

J: Ada tapi tidak menyeluruh kerana sering terlepas disebabkan kekurangan bahan.

S: Dari pemerhatian itu, apakah ciri-ciri perbezaan antara alam kesusasteraan Singapura dengan alam kesusasteraan Malaysia?

J: Saya kira yang dapat secara umum atau secara sepintas lalu dibuat, perbezaannya boleh dilihat dari dua tiga aspek.

Pertama, misalnya dari sudut penulis: Kecuali beberapa tokoh di Singapura seperti Haji Masuri S.N. dan Haji Suratman Markasan, rata-rata penulis di Singapura adalah orang-orang muda yang sedang gigih berjuang dan menyedari akan masalah dan nasib mereka di kota Singapura.

Tetapi di Malaysia peringkat umur rata-rata penulisnya dalam lingkungan 40 hingga 50 tahun di samping beberapa orang muda. Ini dari aspek umurnya.

Kemudian, saya kira kesusasteraan di Malaysia masih banyak berinspirasi luar Bandar dan di luar kota tetapi di Singapura lebih berlatarkan kota kosmopolitan dan kota yang moden.

Dari aspek penerbitan pula, seperti yang diketahui umum, penerbitan kesusasteraan di Malaysia jauh lebih banyak jumlahnya dan lebih luas sebarannya.

Di Singapura pula amat terbatas, kerana bilangan pembacanya yang tidak ramai dan kurangnya penerbit yang sanggup menerbitkan karya sastera dalam bahasa Melayu.

Jadi dalam kata lain kegiatan kesusasteraan di Malaysia tentulah kerana keadaan-keadaan begitu, lebih aktif dan lebih gemilang dalam nada dan suasananya.

S: Dalam pertemuan antara Asas 50 dengan Gapena sedikit masa dulu di Tanjung Keling, Melaka, mungkin Encik Baha sendiri masih ingat, anda ada mengemukakan bahawa DBP bersedia menerbitkan karya-karya penulis Singapura.

J: Saya tidak lupa apa yang saya ucapkan di Melaka pada suatu waktu dulu. Malahan mulai dari itu kita membuat satu program yang lebih rancak untuk menerima karya-karya dari Singapura.

Dan ini jelas terbukti dalam terbitan Dewan Sastera yang keluar saban bulan. Memang tidaklah setiap bulan kita terbitkan tetapi kita memberikan juga ruangan, malahan kulit depannya, kepada penulis-penulis Singapura.

S: Bagaimana pula dari segi penerbitan buku?

J: Dari segi penerbitan buku, sampai hari ini kita masih belum menerima karya yang penting atau baik untuk diterbitkan oleh DBP.

S: Apakah kesediaan DBP itu masih lagi terbuka?

J: Pintu DBP masih terbuka dan sedia menanti karya-karya penulis Singapura yang berbentuk buku. Dan menjadi harapan kami agar teman-teman penulis Singapura dapat mengirim karya atau tulisan yang baik kepada kami. InsyaAllah DBP bersedia menerbitkannya.

TAMAT